



Menarik di dalam . . .

- >> Bicara Mufti
- >> Artikel - artikel Pilihan
- >> Kemasyarakatan Agama

Thaif


Setelah penat jerih bermusafir
di perjalanan
kau hadiahkan tamu agung
hujan batu yang melukakan

Siapa bisa menahan sebak di hati
tika kekasih-Mu disakiti
ke kiri ke kanan Zaid bin Harithah
membenteng diri memagar batang tubuh Rasul-
setitis darah agung terguris
mengalir ke bumi
bergegar petala langit ketujuh
sang Jibril menangis
menahan amarah pedih di dada

Lantas siapa bisa contohi sabarmu, Rasul
tika sang bukit menjadi begitu ringan
untuk tenggelamkan bumi Thaif
dan tika bayu dingin siap siaga
menjadi topan ganas meraung
ke segenap pelusuk negeri
melenyapkan Bani Thaqif

Setelah kau hadiahkan tamu agung
dengan hujan batu yang melukakan tumit, Thaif
Rasul Junjungan lontarkan kau
ketabahan yang maha tinggi
" Ya Allah...berikanlah petunjuk kepada kaumku....
Sesungguhnya mereka tidak mengetahui..."

Anuar Ariffin
Pulau Pinang



Sidang Redaksi

Penaung

Sahibul Samahah Dato' Haji Hassan
Bin Haji Ahmad

Penasihat

Sahibul Fadhilah Tn. Haji Ghazali
Bin Haji Saad

Ketua Pengarang

Tn. Haji Yusuff Bin Ahmad

Penyelaras

Us. Hardi Bin Mohamad Sadali

Sidang Pangarang :

Us. Rizuan Bin Idrus
Us. Shukri Bin Hashim
Us. Anuar Bin Ariffin
Ustazah Musyriyah Binti Sikkeli
Pn. Zaiton Binti Makkhan Din
Pn. Zarina Binti Mustapa

Editor :

Us. Mohd Jais Anuar Bin Ahmad
Ustazah Azwati Binti Zainol Abidin

Terbitan :

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 45, KOMTAR
10000 Pulau Pinang
Tel : 04 - 263 2975 / 263 0634
http : //mufti.penang.gov.my

Dicetak oleh :

Think Future Services
No.23A, Jalan 4/11A, Seksyen
4 Tambahan 43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

Cawangan

No.85, Taman Setia Jaya,
Jalan Changloon
06000 Jitra Kedah Darul Aman.
Tel / Fax : 04-7337634

Serangkap Kata Pembuka Bicara



Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad S.W.T

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Illahi, atas kesempatan yang diberikan kepada saya serta sidang redaksi untuk menghasilkan serta

menerbitkan Buletin Al-Huda buat kali yang kedua. Untuk makluman umum, keluaran kali ini, kami telah membuat sedikit perubahan dan pembaharuan demi meningkatkan kualiti Buletin Al-Huda agar ianya kelihatan lebih mantap serta berinformasi. Justeru itu, ianya melibatkan penambahan bilangan artikel dan juga ruangan artikel mengenai isu semasa.

Segala usaha yang dilakukan ini adalah hasil cadangan serta komen daripada pembaca yang budiman sekalian. Lantaran itu, saya dikesempatan yang terbatas melalui tinta ini, ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan dan komen yang diberikan. Di samping itu juga sekalung penghargaan buat sidang redaksi yang berusaha menerbitkan buletin ini, mudah - mudahan usaha yang kecil ini mendapat keberkatan dan diredai oleh Allah S.W.T

Akhir Kalam, saya mengalu-alukan cadangan dan komen bagi meningkatkan lagi kualiti buletin ini di masa yang akan datang. Sekian, Wassalam

Ketua Pengarang

Isi Kandungan

- 2 Sidang Redaksi Ketua Pengarang Isi Kandungan
- 3 Perutusan S.S Dato' Mufti
- 4 - 5 Bicara Mufti : Tasawwur Islam
- 6 - 7 Artikel Timbalan Mufti
Tajuk : Remeh Dalam Agama
- 8 - 9 Berita Bergambar
- 10 - 11 Aktiviti Bergambar Album
- 12 - 13 Artikel Pilihan : Kerana Santan Pulut Binasa Kerana
Lidah Badan Binasa
- 14 - 15 Artikel falak
Tajuk : Semakan Arah Kiblat
- 16 Warta Pilihan : Anak Tak Sah Taraf
- 17 Artikel Pilihan : Kebenaran Al - Quran
- 18 Artikel Pilihan : Sekularisme
- 19 Kemusykilan Agama Pilihan
- 20 Renungan Bergambar : Sajak

Kemusykilan Agama

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Soalan:

Kemusykilan mengenai hutang yang tertunggak dalam sesebuah syarikat?

Jawapan:

Menurut Islam "syarikat" ialah suatu kontrak antara dua orang atau lebih yang berkongsi dalam modal dan untung. Pembahagian untung adalah berdasarkan mengikut kadar modal masing-masing sama ada sama banyak atau tidak sama banyak. Begitu juga, setiap perkara yang menjadi wajib ke atas salah seorang rakan kongsi berhubung dengan aktiviti syarikat seperti hutang perniagaan maka menjadi wajib juga ke atas rakan kongsinya. Menggunakan wang syarikat untuk kepentingan individu adalah dilarang sama sekali.

Menurut hukum Islam, setiap hutang wajib dibayar sama ada hutang individu atau pun hutang syarikat. Dalam pembahagian harta faraidh, segala hutang-hutang yang ada wajib dijelaskan terlebih dahulu sebelum diagihkan kepada setiap waris yang berhak.

Setiap harta yang dibeli menerusi harta syarikat sama ada tanah atau bangunan adalah menjadi harta syarikat dan bukannya individu. Ianya hendaklah dimasukkan di dalam akaun syarikat dan dibahagikan keuntungannya berdasarkan pegangan modal masing-masing.

Setiap harta yang dibeli dengan menggunakan wang syarikat adalah menjadi harta syarikat sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Oleh itu, harta tersebut tidak boleh digunakan untuk kepentingan individu dan hendaklah dikongsi keuntungannya bersama rakan kongsi. Harta tersebut hendaklah dibahagikan menurut modal masing-masing sebelum difaraidhkan. Menyelesaikan hutang terlebih dahulu adalah lebih penting dan wajib diutamakan. Jika ada lebihan, bolehlah pesanan itu dilaksanakan dengan mendapat persetujuan pemegang saham syarikat.

Setiap harta syarikat (wang tunai, tanah, bangunan dan sebagainya) perlu disatukan dan selepas ditolak segala hutang syarikat, keuntungan syarikat hendaklah dibahagikan antara pemegang-pemegang saham berdasarkan modal masing-masing. Sebarang harta milik syarikat yang telah diambil hendaklah dikembalikan semula kepada syarikat. Jika telah dijual, hasil jualannya hendaklah dipulangkan semula menjadi harta syarikat.



Fatwa Mengenai Anak Tak Sah Taraf

(a) Anak Tak Sah Taraf ialah

- (i) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
- (ii) Anak dilahirkan kurang dari enam bulan dua lahzah (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

(b) Anak tak sah taraf sama ada diikuti dengan perkahwinan pasangan itu atau tidak hendaklah dibinkan atau dibintikan kepada "Abdullah".

(c) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu tidak boleh pusaka-mempusakai dan tidak menjadi mahram antara keduanya.

(d) Lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tak sah taraf atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut tidak boleh menjadi wali kepada anak tak sah taraf tersebut.



Dengan pengertian Islam yang kedua ini dikehendaki perkataan Islam di dalam firman Allah :

maksudnya : "pada hari ini, aku telah sempurnakan untuk kamu agama kamu dan aku telah cukupkan nikmat-ku kepada kamu dan aku telah redha akan Islam itu menjadi agama untuk kamu." (al-maidah : 3)

Dan di dalam firmannya :

maksudnya : "dan sesiapa yang mencari agama selain daripada agama Islam maka sekali-kali tidak diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat antara kalangan orang-orang yang rugi." (al-imran : 85)


Pengertian syariah Islam

Perkataan syariah dari segi bahasa arab bermaksud aliran dan jalan yang lurus. Perkataan syir'at al-ma' bermaksud jalan ke sumber air minuman.

Manakala syariah dari segi istilah syara' ialah segala hukum yang dicipta oleh Allah taala untuk hamba-hambanya. sama ada berkaitan dengan aqidah, ibadah, akhlak, muamalat dan sistem-sistem hidup dalam pelbagai aspek untuk kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat.

Dinamakan hukum-hukum ini sebagai syariah kerana lurusness dan menyerupainya dengan sumber air, disebabkan dengannya, hidup segala jiwa dan akal sebagaimana hidup jasmani dengan sumber air. Perkataan syariah dikenali juga dengan ad-din dan al-millah.

Ketiga-tiga perkataan itu bermaksud segala hukum yang dikenakan oleh Allah ke atas hamba-hambanya. Hukum-hukum itu disebut syariah kerana ia dicipta oleh Allah secara jelas dan lurus. Ia dinamakan ad-din kerana ia mesti dipatuhi dan dengannya manusia mengabdikan diri kepada Allah. Ia disebut sebagai millah kerana ia dapat memenuhi segala keperluan manusia.



Artikel Timbalan Mufti

Remeh Dalam Agama Penyebab Kepada Berlakunya Gejala Negatif

Oleh : Sahibul Fadhliah Haji Ghazali Bin Haji Saad

Hari demi hari paparan di dada akhbar dan media elektronik kes-kes jenayah semakin menjadi-jadi. Mengapa berlaku demikian? Adakah mereka tidak faham soal agama dan undang-undang, atau ada dorongan lain yang menyebabkan berlaku demikian. Semua pihak perlu mencari penyelesaian dan pendekatan untuk menyelesaikan masalah yang melanda umat Islam hari ini. Terutamanya ibubapa yang dipertanggungjawabkan secara langsung di dalam pendidikan anak-anak untuk memastikan generasi yang dilahirkan menjadi umat pilihan.


Harus diakui bahawa sikap hilang hormat, berani yang tidak kena pada tempat, mengejar kebendaan yang melampau dan sebagainya lagi menjadi punca fenomena yang berlaku hari ini. Sedangkan Allah S.W.T tidak menyukai golongan yang melampaui batas, tetapi jadilah golongan yang sentiasa mencari rezeki yang halal dan iman menjadi dorongannya. Al-Quran secara jelas menggariskan:

Bermaksud: "...dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas. Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman kepadaNya."(al Maidah:87-88)

Usaha untuk membendung segala jenayah yang berlaku perlu dilaksanakan secara berterusan dan bijaksana melibatkan semua pihak. Pendekatan agama adalah satu-satunya yang terbaik dan berkesan. Lantaran itu, segala daya usaha perlu digembelngkan bagaimana penanaman iman dan pembajaan ilmu harus diketengahkan. Kelas-kelas pengajian, kuliah-kuliah di masjid dan surau harus dilipatgandakan. Begitu pula dengan semua institusi pendidikan perlu diberikan kesedaran dan

pengupayaan fizikalnya harus seiring dan mendapat perhatian semua pihak. Generasi tua yang terdiri daripada ibubapa dan guru-guru perlu diberikan persiapan yang cukup untuk menjadi pengawal dan pembimbing generasi muda serta menjadi mata dan telinga mengawal situasi yang berlaku. Ini bagi memastikan segala gerak geri dan tindakan sentiasa terkawal dan tidak terbawa-bawa dengan hawa nafsu. Ingatan Allah S.W.T di dalam Al - Quran seharusnya menjadi iktibar:

Gambaran Rasulullah S.A.W bahawa umatnya di suatu masa nanti berhadapan dengan penyakit 'al Wahnu' (cinta dunia dan takut mati) sudah berlaku pada hari ini. Lantaran cinta dunialah menyebabkan manusia sanggup melakukan apa sahaja demi untuk mencapai apa yang diinginkan. Mereka tenggelam dan hanyut dengan kebendaan dan kemewahan. Kesan dan risiko tidak penting, asalkan apa yang hendak dihajati tercapai. Undang-undang tidak penting, soal agama tidak penting, pandangan masyarakat tidak penting, nasihat ibubapa tidak pernah diambil peduli, amanat pemimpin masuk telinga kanan keluar telinga kiri dan segala-galanya tidak penting. Yang penting bagi mereka nafsu serakah tercapai, boleh hidup mewah dan mendapat keseronokan dengan penuh kefoya-foyaan. Apakah sikap kita terhadap apa yang berlaku? Bolehkah kita membiarkan kemusnahan terus berlaku.




Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Artikel Falak

Oleh : Us. Hardi Bin Mohamad Sadali

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang




Rajah 6 : Menunjukkan Fenomena Peristiwa A'dzam dan Jaluran bayang arah kiblat menghala Kaabah

lebih selamat, mudah dan anjal ialah dengan melihat bayang sesuatu tiang yang tegak disinari cahaya matahari. Bayang sesuatu tiang yang tegak akan membentuk satu garisan di permukaan tanah, sama ada arah yang bersejajaran dengan arah bayang atau arah yang bersamaan dengan arah bayang. Jika bayang itu diambil pada waktu petang, maka arah kiblat ialah arah yang setentang dengan arah bayang. Jika bayang diambil pada waktu pagi, maka arah kiblat adalah sama dengan arah bayang.

Panduan Menyemak Arah Kiblat

Satu kaedah yang boleh digunakan untuk menyemak arah kiblat masjid atau mana-mana tempat ialah dengan menggunakan Jadual 1 (seperti di lampiran) bersamaan dengan beberapa alatan biasa seperti berikut :

1. Benang tebal yang panjang (lebih kurang 10m)
2. 3 batang tiang yang tegak lurus berukuran lebih kurang 3m.
3. Sekeping kertas bersih bersaiz A4 atau yang setara dengannya.
4. Pemberat (ladung). Pemberat boleh dibuat dengan menggunakan sebiji batu yang sederhana beratnya dan dibiarkan tergantung pada benang sepanjang lebih kurang 0.5m. Benang ini berfungsi sama seperti satu tiang tegak dari atas bumi.



Rajah 7 : Menunjukkan Tatacara Menjalankan Semakan

kedudukannya dengan menggunakan pemberat-pemberat seperti batu-batu, kerana ia sangat mudah teranjak oleh sedikit angin.

Dengan kedudukan kertas seperti yang dinyatakan tadi, pacakkan 3 batang tiang (berbentuk tripod) berserta pemberat sehingga bayang benang pemberat menimpa ke atas kertas yang telah bergaris itu. Laraskan kedudukan tripod dan pemberat supaya bayang benang pemberat bersentuhan atau bersilang dengan garis yang telah ditandakan sebelum ini. Apabila waktu menyemak telah masuk, tandakan di atas kertas yang sama kedudukan bayang tiang. Sudut di antara dua garis yang bersilang di atas kertas itu merupakan sudut selisih arah kiblat dengan arah masjid.

* Kebanyakan maklumat-maklumat hasil pembentangan kertas kerja Dr. Abdul Halim Bin Abd. Aziz sempena seminar Falak Syarie di Hotel Gurney.

Semakan Arah Kiblat Berdasarkan Lintasan Matahari Harian

Selain peristiwa Istiwa A'dzam, semakan arah kiblat boleh juga dibuat berdasarkan lintasan matahari harian. Jika menggunakan peristiwa Istiwa A'dzam, semakan hanya boleh dibuat 2 kali setahun, tetapi dengan menggunakan kaedah lintasan matahari harian, semakan arah kiblat boleh dibuat hampir setiap hari.

Melalui kaedah lintasan matahari harian, semakan arah kiblat boleh dilakukan dengan melihat kedudukan bayang matahari yang bersamaan arah kiblat pada waktu-waktu tertentu. Namun, cara yang

Benang digunakan untuk beberapa tujuan. Pertama ialah untuk mengunjurkan dinding masjid (yang selari dengan arah kiblat) ke luar supaya ia dapat menunjukkan arah kiblat masjid. Benang perlu dipastikan betul-betul selari dengan dinding dengan memulakan tali itu beberapa meter bersama dengan dinding dan bakinya ditarik tegang sebagai unjuran.

Unjuran benang dari dinding masjid tadi di bawa ke kawasan yang lapang yang mendapat cahaya Matahari tanpa gangguan. Sekeping kertas diletakkan di hujung benang tersebut dan satu garisan dibuat ditengah-tengah kertas selari dengan benang bagi menandakan arah kiblat masjid (atau menjajarkannya sehingga benang arah kiblat masjid lalu tepat di atasnya). Selepas ditanda kertas itu tidak boleh diubah lagi kedudukannya. Jika bekerja di atas simen, elok sekali kertas tersebut dilekatkan dengan pita bergam ke atas simen. Jika di atas pasir, ia perlu ditetapkan

Dari segi praktiknya, semakkan arah kiblat diperlukan bagi sebuah premis yang telah diketahui arah kiblatnya. Semakkan dibuat bertujuan untuk menyemak semula arah kiblat, terutama bagi sebuah premis yang telah lama digunakan. Kaedah-kaedah semakan ini juga begitu praktik digunakan oleh orang-orang awam bagi pelbagai tujuan.

Bumi berputar pada satu paksi. Kesan dari itu ialah objek di langit terbit dari timur dan terbenam di barat. Selain itu, bumi juga bergerak mengelilingi matahari dalam satu orbit yang hampir membulat. Namun terdapat kecondongan di antara satah orbit dengan paksi putaran. Kesan daripada kesemua ini dapat dilihat pada berubahnya tempat terbit terbenam matahari di ufuk timur dan barat. Ia beranjak sedikit demi sedikit sesuai dengan perubahan kedudukan matahari di ekliptik.

Semakan Berdasarkan Kaedah Matahari Terbenam.

Terdapat satu cara atau kaedah yang menjadi amalan masyarakat terdahulu sama ada untuk menentu atau menyemak arah kiblat iaitu dengan melihat arah matahari terbenam. Kaedah ini hanya boleh digunakan jika diketahui perbezaan antara arah kiblat dengan arah matahari terbenam sepanjang tahun. Lihat jadual 1 di bawah.

Bulan	Anggaran Arah Kiblat Dari Matahari Terbenam
Januari	Ke kanan 45°
Februari	Ke kanan 40°
Mac	Ke kanan 25°
April	Ke kanan 15°
Mei	Ke kanan 5°
Jun	Ke kiri 1°
Julai	Ke kanan 1°
Ogos	Ke kanan 5°
September	Ke kanan 15°
Oktober	Ke kanan 30°
November	Ke kanan 40°
Disember	Ke kanan 45°

Jadual 1 : Anggaran Perbezaan sudut antara arah Kiblat Malaysia dan Matahari Terbenam.
Sumber : JAKIM (2001)

Peristiwa Istiwa A'dzam

Satu cara yang menjadi kelaziman rakyat negara ini terutamanya jabatan-jabatan Mufti negeri ketika melakukan semakan arah kiblat adalah berdasarkan bayang matahari ketika berlakunya peristiwa istiwa a'dzam, iaitu kaedah tradisional yang begitu mudah digunakan dan tepat arah kiblat yang ditunjukinya.

Peristiwa Istiwa A'dzam bermaksud kedudukan matahari berada tepat di atas Kaabah, maka arah matahari merupakan juga arah ke Kaabah, iaitu arah qiblat. Kejadian ini berlaku dua kali setahun iaitu pada 28 Mei lebih kurang jam 5:16 petang dan 16 Julai kira-kira jam 5:28 petang waktu Malaysia. Ketika itu, semua bayang objek di seluruh dunia akan tepat menghadap ke arah Kaabah. Lihat dalam Baharrudin (2002).

Semakan arah kiblat boleh dilakukan dengan cara berikut:

1. Pacakkan satu tiang di tempat menentukan arah kiblat. Pastikan tiang tersebut betul-betul tegak. Manakala tempat yang dipilih tidak terlindung daripada pancaran matahari.
2. Oleh kerana matahari tepat di atas Kaabah (arah barat), maka bayang-bayang akan jatuh ke arah timur. Oleh itu, kiblat kawasan tersebut ialah mengikuti bayang-bayang yang menghala ke arah barat.
3. Penandaan juga boleh dibuat dengan melihat bayang tiang-tiang tegak dan sisi-sisi rumah yang tidak terlindung oleh cahaya matahari. Pastikan tiang tersebut betul-betul tegak. Bayang tiang akan menunjukkan arah kiblat yang perlu diikuti.

Oleh itu kita sebagai individu dan sebahagian daripada masyarakat yang ada pada hari ini tidak boleh berpeluk tubuh, mengharap sesuatu perubahan akan berlaku. Semangat dan tekad untuk mencegah dan membendung gejala negatif ini diteruskan. Kita tidak boleh lepas tangan begitu sahaja. Sekurangnya kita ada jawapan di hadapan Allah S.W.T apabila dipersoalkan nanti setelah kita mati. Peranan kita sebagai individu di dalam keluarga, masyarakat, kerjaya dan negara seluruhnya tidak boleh berdiam diri. Gambaran golongan yang beriman daripada keluarga Fir'aun menghadapi Fir'aun dan pengikutnya yang ingkar dan bongkok menjadi ingatan kepada kita:

Bermaksud: "Hai kaumku, ikutilah aku, aku akan menunjukkan kepada mu jalan yang benar. Hai kaumku, sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (sementara) dan sesungguhnya akhirat itulah negeri yang kekal." (Ghafir: 38-39)



Diri sendiri perlu ada komitmen dan tanggungjawab untuk berubah. Kita semakin hari semakin tua, anak-anak sudah berderet, kesihatan diri sudah menurun dan tidak lama lagi akan dipanggil balik ke tempat asal. Persiaplah diri untuk itu. Anak isteri adalah menjadi

tanggungjawab kepada suami dalam rumahtangga. Sementara rumahtangga menjadi unit kecil di dalam menentukan keharmonian sesebuah negara. Oleh itu uruskanlah rumahtangga kita mengikut acuan yang telah ditetapkan oleh agama. Biarlah rumahtangga menjadi 'rumahku syurgaku'.

Mengikut kajian-kajian yang dibuat kepincangan di dalam masyarakat bermula dari rumahtangga. Oleh itu, luangkanlah sedikit masa untuk memberi perhatian kepada hal-hal rumahtangga. Bersederhana di dalam mengejar kemewahan dan kepentingan dunia. Timbulkan persoalan dalam diri kita bahawa kerjaya akan kita tinggalkan tetapi amal ibadat akan kita bawa sebagai bekalan. Mencari rezeki yang halal dan diselang seli dengan kesibukan kita untuk mengerjakan ibadat kepada Allah S.W.T sebenarnya yang lebih utama. Inilah asasnya kenapa hal-hal rumahtangga perlu diberi perhatian yang wajar, agar kita tidak tertipu dengan kehidupan yang bersifat sementara dengan menggadai kehidupan yang bersifat kekal abadi. Kerana akhir zaman, kualiti umat Islam semakin malap dengan meninggalkan keindahan Islam satu demi satu sehingga Saidina Umar R.A menyebutkan kepada kita untuk direnungi:


" Sesungguhnya ditanggalkan pakaian Islam, sehelai demi sehelai, apabila timbul dalam Islam orang-orang yang tidak kenal jahiliah."

SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1427H PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

31 Januari 2006 (Selasa) - Sambutan Maal Hijrah 1427H Peringkat Negeri Pulau Pinang telah berlangsung di Politeknik Seberang Perai, Majlis tersebut telah dihadiri oleh T.Y.T Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Dr. Haji Abdul Rahman Bin Abbas serta Toh Puan Hajjah Majimor Binti Sharif dan juga tetamu-tetamu jemputan dan tidak ketinggalan masyarakat setempat. Sambutan pada kali ini menyaksikan, Dato' Haji Ibrahim Bin Yahya telah dipilih sebagai tokoh Maal Hijrah 1427H. Selain itu, T.Y.T Yang Dipertua Negeri turut berkenan menyampaikan anugerah-anugerah lain seperti anugerah Inovasi, Ibu & Bapa Mithali dan Saudara Baru. Sempena majlis tersebut juga, Jabatan Mufti Negeri telah mengedarkan Taqvim Hijri 1427H secara percuma kepada orang ramai yang hadir.

PERTUKARAN PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S44

7 Februari 2006 (Selasa) - Seluruh kakitangan mengucapkan selamat datang serta selamat bertugas kepada Tn. Haji Yusof Bin Haji Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam S44 yang memulakan tugas di Jabatan ini pada 7 Februari 2006. Beliau menggantikan Tuan Haji Suleh Wan Kurdi Bin Haji Jalaluddin yang bertukar ke Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, satu majlis telah diadakan bagi meraikan Tuan Haji Suleh Wan Kurdi Bin Haji Jalaluddin sebagai tanda penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan yang diberikan.



KONVENSYEN ASTRONOMI USM 2006

10 Mac 2006 (Jumaat) - Konvensyen Astronomi yang bertemakan Astronomy In The Digital Age ini telah berlangsung selama 3 hari bermula 10 Mac hingga 12 Mac 2006. Pelbagai aktiviti menarik diadakan sempena konvensyen ini. Konvensyen telah disempurnakan oleh Sahibul Samahah Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bersama-sama upacara perasmian, Dato' Mufti turut melancarkan al-manak USM.

Selepas majlis perasmian, satu syarahan perdana telah disampaikan oleh Dr. Ahmad Sabirin Bin Arshad, dengan tajuk Industri satelit masa kini. Merupakan satu syarahan yang amat menarik dan telah menarik minat ahli-ahli astronomi amatir dan professional di samping pelajar-pelajar kolej dan universiti. Beliau menghuraikan peranan satelit kini dan perkembangannya di Malaysia pada masa hadapan. Suasana pada hari itu telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran kumpulan nasyid terkenal In-Team. Satu sesi beramah mesra dan bertemu peminat telah diadakan di gerai pameran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.



Sepakat Ulama menyatakan bahawa amalan mengumpat adalah haram kecuali pada enam keadaan:-

1. Seorang yang dizalimi atau dianiayai membuat pengaduan kepada seorang raja atau seseorang yang berkuasa. Orang yang dizalimi atau dianiayainya itu menyebut kejahatan-kejahatan yang dilakukan oleh mereka itu. Sebutan-sebutan itu tadi tidak dikatakan mengumpat.
2. Seseorang Islam berkewajipan untuk mencegah sahabatnya dari terus melakukan maksiat, tetapi beliau tidak mampu dan beliau berhajat untuk mendapatkan nasihat bagaimana cara untuk pencegahan itu dari kawan yang lain, untuk itu beliau menceritakan maksiat (keburukan) yang pernah dilakukan oleh sahabatnya kepada kawan yang ketiga itu. Ini juga tidak dikatakan mengumpat.
3. Seseorang yang berhajat kepada sesuatu fatwa, seperti seorang isteri yang ingin mendapat fatwa berkaitan dengan suaminya yang bersifat kedekut (baqhil) dari segi nafkah yang berpatutan ke atas diri isteri. Maka untuk tujuan itu isterinya terpaksa menceritakan sifat kedekut suaminya itu, ini tidak dikatakan mengumpat.
4. Kejahatan yang ada pada seseorang yang boleh membahayakan atau memudaratkan orang lain, seperti seorang lelaki berhajat untuk meminang seorang wanita untuk dijadikan isterinya. Maka lelaki tersebut bertanyakan hal keadaan wanita itu daripada individu yang mengetahuinya, maka wajib individu tersebut menceritakan keadaan tidak baik yang ada pada wanita tadi kepada lelaki tersebut. Ini tidak dikategorikan sebagai mengumpat.
5. Seseorang itu mempunyai nama yang terkenal dengan nama yang tidak baik seperti "SI CAPIK" dan dia pun suka dengan panggilan tersebut, maka apabila kita memanggil dengan panggilan tersebut, tidak disebut sebagai mengumpat.
6. Seseorang yang melakukan kejahatan dengan terang-terang (diketahui ramai), kalau orang lain menyebut semula kejahatan yang dilakukan itu, maka ianya bukan mengumpat.

Kesimpulan :-

Bagi mengelakkan diri dari dibinasakan oleh Allah S.W.T iaitu dicampakkan ke dalam Neraka. Maka hendaklah bersungguh-sungguh memelihara anggota lidah yang tidak bertulang ini dari bercakap perkara-perkara yang tidak baik yang telah dijelaskan di atas terutamanya mengumpat.



Artikel Pilihan

KERANA SANTAN PULUT BINASA KERANA LIDAH BADAN BINASA

Oleh : Tn. Haji Yusuff Bin Ahmad

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Perumpamaan ini mengingatkan kita supaya sentiasa menjaga lidah dari bercakap perkara-perkara yang tidak baik. Bahaya lidah sangat besar sehingga boleh menjerumuskan manusia ke dalam api Neraka, di antara perkara – perkara yang tidak baik yang kerap dilafazkan oleh lidah itu ialah:-

- Bercakap berlebih-lebihan yang tidak perlu
- Mengambil tahu hal-hal orang lain tanpa batasan
- Melibatkan diri dalam memperkatakan hal-hal kemungkar
- Berbantahan dan bertengkar antara satu sama lain
- Mempersendakan percakapan orang lain
- Bercakap kotor dan memaki-maki
- Melaknat atau menyumpah-nyumpah.
- Beryanyi dan bersyair diluar batas syariat
- Menghebahkan keaiban orang lain dengan tujuan hendak mendedahkan dan memalukannya
- Membocorkan rahsia orang lain sehingga menyakiti hatinya
- Berbohong dalam berjanji dengan orang
- Berdusta dalam percakapan dan sumpah
- Mengumpat atau mengata orang lain

Allah menjadikan lidah itu adalah untuk tujuan-tujuan yang mendatangkan banyak manfaat pada diri dan masyarakat. Bagi mensyukuri nikmat lidah maka ianya hendaklah menjaga anggota ini daripada terlibat dengan perkara-perkara yang haram dan syubhah.

Dalil dari Al-Quran melarang melakukan mengumpat:-

Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Hujurat ayat 12, bermaksud “ **Wahai orang-orang yang beriman jauhilah kebanyakan prasangka kerana setengah-setengah prasangka itu berdosa. Dan janganlah kamu mengintip dan janganlah kamu mengumpat satu sama lain. Apakah seseorang dari kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Sudah tentulah kamu jijikannya. Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menerima Taubat dan Maha Pengasih.**”

Dalam ayat di atas Allah S.W.T menggambarkan bahawa orang yang suka mengumpat akan saudaranya seumpama ia suka memakan daging saudaranya yang telah mati.

Diriwayatkan Oleh Abu Daud dengan sanadnya dari Anas ibn Malik katanya: Sabda Rasulullah S.A.W “ **Pada masa aku dimi'rajkan, aku telah melalui sekumpulan manusia yang berkuku tembaga sedang mencakar muka dan dada mereka, lalu aku pun bertanya: Siapakah mereka, wahai Jibrail? Jawab beliau: Itulah orang-orang yang makan daging manusia dan mengumpat mereka.**”

Dalam kisah Ma'iz, apabila beliau mengaku berzina dengan perempuan al-Ghamidiyah dan keduanya telah direjamkan oleh Rasulullah S.A.W setelah kedua-duanya mengaku secara sukarela dan mendesak supaya mereka direjamkan untuk membersihkan diri mereka, tiba-tiba Nabi S.A.W mendengar dua orang lelaki bercakap-cakap. Salah seorangnya berkata kepada temannya: “Tengoklah orang ini (Ma'iz), dia telah dilindungi Allah, tetapi dia tidak diam hingga dia direjam seperti seekor anjing.”

Kemudian Rasulullah S.A.W terus berjalan sehingga terserempak dengan bangkai keldai, lalu Rasulullah S.A.W bersabda:” Di mana si anu dan si anu? Turunlah kamu berdua ke sini dan makanlah bangkai keldai ini.” Kedua orang lelaki itu pun menjawab:

Allah mengurniakan keampunan kepadamu wahai Rasulullah. Apakah bangkai ini boleh dimakan? Jawab Rasulullah S.A.W Perkataanmu yang mengumpat saudaramu (Ma'iz) tadi lebih keji dari makan bangkai ini. Demi nyawaku di dalam qudrat kuasanya, dia (Ma'iz) sekarang sedang bermandi manda di dalam sungai-sungai di Syurga.” (Diriwayatkan oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya dan berkata sanadnya adalah sahih).

Berita Jabatan Mufti Pulau Pinang

Oleh : Mohd Jais Anuar b. Ahmad

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Upacara kemuncak adalah satu cerapan perdana bersama Tuan Yang Terutama, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 11 Mac 2006 jam 9:00 malam. T.Y.T berkenan beramah mesra dengan semua peserta cerapan yang dianggarkan 100 buah teleskop pada malam berkenaan. Cuaca yang baik pada malam tersebut membolehkan planet Zuhal dan Marikh dilihat dengan jelas. Sebuah cenderamata berupa teleskop telah disampaikan kepada Tun pada malam tersebut.

KELAS PENGAJIAN DI JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Minggu 1 dan 3 hari Selasa setiap bulan Jabatan Mufti telah menganjurkan kelas pengajian kepada kakitangan-kakitangan awam yang berkerja di KOMTAR. Kelas pengajian ini akan bermula pada jam 1.10 ptg dan akan disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti sendiri. Pada siri yang pertama yang lalu iaitu pada 4 April 2006 (Selasa), kuliah tersebut telah disampaikan oleh Tn. Haji Ghazali Bin Haji Saad, Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang. Manakala, bagi siri-siri yang lain, kelas pengajian akan disampaikan oleh Sahibul Samahah Dato' Mufti dan pegawai-pegawai yang lain mengikut jadual yang telah ditetapkan.



MAJLIS TILAWAH DAN NASYID PEYATIM PERINGKAT KEBANGSAAN

29 Mei 2006 (Isnin) – Majlis Tilawah dan Nasyid PEYATIM peringkat Kebangsaan telah diadakan di Universiti Sains Malaysia. Program ini telah berlangsung selama 3 hari iaitu bermula dari 29 Mei hingga 31 Mei 2006. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang telah terlibat secara tidak langsung dalam membantu menjayakan program tersebut pada kali ini. Jabatan Mufti Negeri telah dilantik

bersama-sama dengan Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia dalam Jawatankuasa Kecil Pertandingan.

MAJLIS TAKLIMAT ISU ETIKA GLOBAL PULAU PINANG

5 Jun 2006 (Isnin)- Majlis perjumpaan bersama Agensi-agensi agama Islam Pulau Pinang dengan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Y.B Ustaz Shabuddin Bin Yahya, telah diadakan bersama-sama dengan Majlis Taklimat Isu Etika Global Pulau Pinang anjuran bersama dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Taklimat mengenai perkara tersebut telah disampaikan oleh Y.B Ustaz Shabuddin Bin Yahya. Di dalam taklimat tersebut, beliau menegaskan bahawa terdapat beberapa usaha oleh pihak tertentu untuk mencabar dan menggugat kesyumulatan serta ketinggian agama Islam. Rentetan daripada itu, maka telah lahir beberapa pandangan untuk mengkaji seluruh agama dan melahirkan satu etika atau cara hidup yang boleh diguna pakai dan diterima oleh semua masyarakat.

MAJLIS PERSARAAN ENCIK HAMDAN BIN SHAARI (PEMBANTU TADBIR N17) DAN MAJLIS PERTUKARAN US. ABDUL RAHIM BIN MOHAMMAD SAAD (PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM S27)


6 Jun 2006 (Selasa)- Jabatan Mufti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan selamat maju jaya kepada Encik Hamdan Bin Shaari sempena persaraan beliau yang berkuatkuasa pada 5 Jun 2006 yang lalu. Manakala, Ustaz Abdul Rahim Bin Mohammad Saad turut bertukar ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1 Jun 2006. Sehubungan itu, satu majlis telah diadakan bagi meraikan persaraan dan pertukaran mereka berdua.

BENGKEL RUBU' MUJAYYAB

26 Jun (Isnin) – Jabatan mufti negeri dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia telah menganjurkan bengkel Rubu' Mujayyab di Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru pada 26 hingga 28 Jun 2006. Bengkel ini melibatkan peserta seramai 20 orang, yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Mufti, USM, Guru-guru Sekolah, JUPEM Negeri Pulau Pinang dan ahli-ahli Falak. Manakala penceramah terdiri daripada Cikgu Baharuddin (INSPEM) dan Us. Sabaruddin Othman

Album Aktiviti Bergambar

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang



Haji Ghazali Haji Saad Timbalan Mufti Sedang mengisytiharkan Status Kenampakkan Hilal Zulkaedah 1427



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang



Proses Cerapan Hilal turut melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Negeri Pulau Pinang



T.Y.T Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Serta Toh Puan diberi Penerangan ketika merasmikan cerapan perdana sempena Konvensyen Astronomi USM 2006



Peserta Rubu' Mujayyab bergambar kenangan bersama penceramah



Perasmian Konvensyen Astronomi telah disempurnakan Oleh SS Dato' Hj Hassan Bin Hj Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang



Salah satu pameran yang disertai oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang



Y.B. Shabudin sedang menyampaikan taklimat mengenai Etika Global